

15 NOV 1998

APEC-BERITA-MAHATHIR

KERAJAAN YG BERKUASA MESTI TENTUKAN KADAR TUKARAN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan negara-negara yang berkuasa tidak boleh meninggalkan tugas mereka dalam menentukan kadar tukaran matawang.

Sambil memberi amaran bahawa membiarkan kadar tukaran untuk ditentukan oleh pedagang-pedagang matawang adalah tidak bijak, beliau berkata alasan yang diberikan kerajaan bahawa perdagangan matawang tidak boleh diadakan dengan telus adalah tidak munasabah.

"Mereka berhutang kepada rakyat mereka dan negara mereka untuk menerima tanggungjawab menentukan kadar tukaran," katanya semasa membuka Sidang Kemuncak Perniagaan Apec di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dengan adanya spekulator yang tidak berperikemanusiaan mengakibatkan kerosakan yang tidak terhingga terutamanya kepada ekonomi-ekonomi membangun, beliau berkata sementara pedagang-pedagang matawang bebas mengecam kerajaan kerana tidak telus, mereka sendiri tidak begitu.

"Walaupun mengurusniaga dengan berbilion dan trilion dolar, kita tidak tahu siapa mereka, bagaimana mereka berdagang, di mana mereka berdagang dan siapa yang melabur di dalamnya.

"Hanyalah bila mereka gagal, seperti kegagalan Long-Term Capital Management Fund barulah kita tahu mengenai mereka dan perdagangan besar mereka," katanya.

Dr Mahathir said: "Adalah mengejutkan apabila mengetahui bahawa dengan modal empat bilion dolar, dana lindungan AS boleh meminjam sehingga satu trilion dolar, 250 kali lebih banyak. Bukankah bank sepatutnya mengamalkan hemat?

"Bukankah kerajaan sepatutnya mengawasi bank-bank atau adakah mereka juga telah meninggalkan tugas ini," katanya.

Sambil menyesali kekurangan susunatur kewangan seperti yang dinyatakan dengan aliran modal yang mengikut peraturan dalam sistem kewangan antarabangsa, beliau berkata negara-negara "mestilah tidak terikat dengan keyakinan fanatik yang bertindak sebagai halangan mental kepada pemahaman kita mengenai fakta-fakta berkenaan."

Perdana Menteri juga mengecam seruan beberapa pihak seperti Amerika Syarikat supaya mengurangkan peraturan, bahawa perdagangan dan kewangan harus dibiarkan kepada kuasa pasaran, mengatakan ianya bertentangan dengan apa yang benar-benar berlaku kerana orang-orang yang terlibat dalam pasaran bebas dihukum.

Di sini, beliau mengenengahkan kesulitan pengerusi Microsoft Bill Gates yang menggunakan kuasa kewangannya untuk membina perniagaannya, yang kini diseret ke mahkamah kerana Microsoft didakwa memaksa vendor-vendor memasukkan perisian-perisiannya bagi perkhidmatan internet.

Dr Mahathir berkata: "Beliau benar-benar orang pasaran, tetapi kerajaan AS fikir beliau tidak adil kepada pesaing-pesaingnya, kita tidak nampak perbezaan antara Bill Gates dengan pedagang-pedagang matawang.

"Kenapa Microsoft harus dihukum kerana menggunakan kuasa pasaran apabila pedagang-pedagang matawang tidak," katanya.

"Jika ianya tidak adil, tidak sesuai dan haram bagi Bill Gates untuk menguasai pasaran, bukankah kegiatan-kegiatan dana-dana itu juga disifatkan sebagai tidak adil?

"Jika pesaing-pesaing Bill Gates harus dilindungi kenapa kita juga tidak melindungi mangsa-mangsa dana lindungan," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Tidak akan ada kesejahteraan bagi setiap orang

jika kegiatan yang mengakibatkan kemiskinan suku dunia ini tidak dikawal."

Disebabkan oleh krisis matawang, katanya rantau Asia Timur yang dahulunya makmur yang merupakan pasaran besar bagi produk-produk Eropah dan Amerika, telah hilang banyak keupayaan membelinya.

Dengan krisis kewangan memberi kesan kepada kesejagatan, beliau berkata: "Mengembalikan dunia kepada kedudukan ekonomi asal akan menjadi amat sukar. Ia akan mengambil masa yang lama."

Beliau memberi amaran supaya tidak tergesa-gesa melangkah ke arah kesejagatan kerana "ia boleh disalahgunakan, penyalahgunaan dalam bentuk apa yang sepatutnya merupakan kesejahteraan sedunia, akan menjadi kemiskinan sedunia dan perbezaan antara yang kaya dan miskin, kekacauan antarabangsa dan awam dan semua jenis krisis.

"Kesejagatan boleh membawa dunia yang lebih baik jika kita tidak fanatik mengenainya. Tidak semua yang dibuat atas nama kesejagatan akan memberi hasil yang baik.

"Kita harus selalu berwaspada terhadap kesan-kesan negatif dan bersedia mengambil tindakan pembetulan atau mengubah aliran-aliran kesejagatan yang tertentu supaya dapat memastikan yang kesan-kesan negatif ini tidak kita alami," katanya.

Dr Mahathir berkata jika spekulasi matawang adalah baik, "terimalah manifestasi kesejagatan ini.

"Jika sebaliknya hasilnya adalah buruk dan dalam kes perdagangan matawang ianya adalah tidak baik, kita harus mengkaji semula sistem itu dan bersedia menbuang kenyataan sistem itu. -- BERNAMA

MR JR